



KERATAN AKHBAR

KHBAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	5/1/2017	MUKA SURAT	: 8
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Cuba diseludup sebagai sampel kayu semasa dibawa masuk melalui KLIA dari Congo Gading gajah RM7.23 juta dirampas

Oleh NOR SHAFWATI YUP

SEEPANG - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) berjaya mematahkan penyeludupan gading gajah Afrika bernilai RM7.23 juta yang masuk melalui pintu masuk utama negara di KLIA pada Ahad lalu.

Pengarah Kastam KLIA, Datuk Hamzah Sundang berkata, bertindak atas maklumat orang awam, sepasukan anggota bahagian penguatkuasaan JKDM KLIA telah menjalankan pemeriksaan di Gudang Kargo Udara, Zon Perdagangan Bebas KLIA dan menemui 17 kotak disyaki barang larangan import.

"Hasil pemeriksaan rapi ke atas kotak-kotak tersebut telah menemui



KLIA jadi transit sebelum seluruh barangan berlepas ke China, Thailand, Vietnam

lebih kurang 846.2 kilogram gading gajah Afrika dengan anggaran 254 unit bernilai RM7.23 juta.

"Siasatan awal menunjukkan gading gajah yang dirampas tersebut dicat sebagai 'Wood Samples' atau sampel kayu manakala alamat dan dokumen yang digunakan adalah palsu," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Mengulas lanjut, Hamzah berkata, kotak-kotak mengandungi gading gajah tersebut diperveyal tiba melalui syarikat penerbangan Turkish Airlines dari

Lapangan Terbang Antarabangsa Kinshasa, Republik Congo ke KLIA.

"Siasatan masih dijalankan bagi mengesan suspek yang terlibat menyeludup gading gajah ini yang dilarang pengimportannya di bawah jadual Ketiga Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 (Akta 686) kecuali dengan permit.

"Berdasarakan maklumat Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) setiap satu kilogram gading gajah itu mampu mencecah harga RM8,500," katanya.



HAMZAH (kiri) dan pegawai lainya menunjukkan sebahagian daripada gading gajah Afrika yang dirampas di KLIA pada sidang akhbar di Sepang semalam.

Difahamkan, gading gajah tersebut mendapat permintaan daripada peminatnya yang menjadikan ia sebagai barangan hiasan.

Kes disiasat di bawah Seksyen 135 (1)(a) Akta Kastam 1967 iaitu me-

ngimport barang larangan di mana jika sabit kesalahan boleh didenda minimum 10 kali atau maksimum 20 kali ganda dari nilai barangan yang disita atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali jika

sabit kesalahan. Sebelum ini, pihak JKDM KLIA berjaya merampas sebanyak 1.2 kilogram gading gajah bernilai RM10.9 juta pada 21 Julai 2016 dengan menggunakan modus operandi yang sama.